

# NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL

Glucosamine Sulphate/ Chondroitin Sulphate/ Methylsulfonylmethane (250mg/ 200mg/ 100mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL
2. Bagaimana NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL berfungsi
3. Sebelum menggunakan NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL
4. Cara menggunakan NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL
5. Semasa menggunakan NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Glucosamine Chondroitin MSM Kapsul

Glucosamine Chondroitin MSM Kapsul digunakan sebagai terapi tambahan untuk osteoarthritis (keradangan sendi kerana kemerosotan tulang rawan).

## Bagaimana Glucosamine Chondroitin MSM Kapsul berfungsi

NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL mengandungi glucosamine, chondroitin sulphate sodium dan methylsulfonylmethane sebagai bahan aktif.

Glucosamine merupakan bahan kimia yang didapati dalam badan. Ia digunakan oleh badan untuk menghasilkan pelbagai bahan

kimia yang lain yang terlibat dalam pembentukan cecair yang mengelilingi sendi.

Chondroitin sulphate sodium membantu mengekalkan air yang dapat melindungi sendi daripada kerosakan selanjutnya dan melambatkan perkembangan arthritis.

Methylsulfonylmethane merupakan sumber sulfur yang untuk pembentukan tisu penghubung.

## Sebelum menggunakan NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap

- glucosamine
- chondroitin
- methylsulfonylmethane
- kerang
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau bungkusan koyak atau terdapat tanda bungkusan dibuka

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

-Sebelum menggunakan NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai masalah kesihatan seperti yang berikut:

- Kencing manis jenis 2

NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL tidak digalakkan penggunaannya di kalangan kanak-kanak bawah umur 12 tahun. Dapatkan nasihat daripada doktor anda sebelum menggunakannya jika anda hamil atau menyusui.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Setengah ubat dan NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Ini termasuk:

- Antikoagulan seperti warfarin
- Ubat tahan sakit seperti NSAID. Contohnya adalah ibuprofen
- Ubat untuk obesiti atau kolesterol tinggi seperti Chitosan
- Ubat untuk kencing manis seperti insulin

Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL atau mungkin menjejaskan fungsinya.

Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL.

## Cara menggunakan NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

# NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL

Glucosamine Sulphate/ Chondroitin Sulphate/ Methylsulfonylmethane (250mg/ 200mg/ 100mg)

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

## - Berapa banyak harus diambilkan

Paling baik diambil pada perut kosong (30 minit sebelum makan).

Gejala osteoarthritis ringan atau sederhana:  
2 kapsul yang diambil dua kali sehari untuk sekurang-kurangnya 6 minggu (atau mengikut preskripsi perubatan).

Gejala osteoarthritis yang teruk:  
Terapi awal: 2 kapsul yang diambil 3 kali sehari disyorkan untuk sekurang-kurangnya 8 minggu

## - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

## - Berapa lama perlu digunakan

Terapi penyelenggaraan perlu diikuti selama 3-4 bulan (atau mengikut preskripsi perubatan) dengan pengambilan 2 kapsul dua kali sehari.

Rawatan perlu diulangi setiap 6 bulan atau kurang mengikut preskripsi perubatan.

## - Jika terlupa menggunakan

Amil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

## - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke

bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

## **Semasa menggunakan NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL**

### -Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

## **Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang

kebingangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Kardiovaskular: bengkak air pada tangan dan kaki, kadar degupan jantung lebih daripada biasa telah dilaporkan dalam beberapa orang.

Sistem saraf pusat: Mengantuk, sakit kepala dan kesukaran tidur jarang berlaku (Kurang dari 1%).

Gastrosus: Loya, muntah, cirit birit, senak perut, sakit perut, sembelit, pedih ulu hati dan gangguan makan jarang berlaku..

Kulit: reaksi kulit seperti kulit kemerah-merahan dan gatal telah dilaporkan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

## **Cara penyimpanan dan pelupusan NutraVita Glucosamine Chondroitin MSM Capsule**

### -Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam pek asalnya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Simpan ubat anda di tempat bersuhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan ubat anda, atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

### -Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

# NUTRAVITA GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM KAPSUL

Glucosamine Sulphate/ Chondroitin Sulphate/ Methylsulfonylmethane (250mg/ 200mg/ 100mg)

---

## Maklumat lanjut

### Rupa dan warna produk

Serbuk berwarna putih diisi dalam kapsul keras.  
Warna kapsul: Scarlet-scarlet  
Saiz kapsul 0  
Tiada tanda pada kapsul.

### Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:  
Glucosamine Sulphate Sodium Chloride 314mg (equivalent to Glucosamine Sulphate 250mg),  
Chondroitin Sulphate 200mg,  
Methylsulfonylmethane (MSM)100mg.

Bahan tidak aktif: Tiada.

### **Nombor MAL:**

MAL25056044XC

### **Pengilang**

Syarikat Wen Ken Drug Sdn Bhd  
24, Jalan Lambak, Taman Johor,  
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Eucogen Pharma Sdn Bhd  
6A, Jalan Sungai Burung U 32/U,  
Bukit Rimau,  
40460 Shah Alam, Selangor,  
Malaysia

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

05/05/2025

### **Nombor Siri**

NPRA (R2) 25/033